

Cagamas terbit sukuk antarabangsa RM10.9 bilion

KUALA LUMPUR 25 Sept. - Perbadanan gadai janji nasional, Cagamas Bhd. memasuki pasaran sukuk antarabangsa dengan terbitan Nota Jangka Sederhana Boleh Tukar (EMTN) Sukuk dalam denominasi dolar Singapura di bawah Program Sukuk Pelbagai mata wang Cagamas bernilai AS\$2.5 bilion (RM10.9 bilion).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Chung Chee Leong berkata, sukuk setahun bernilai 162.75 juta dolar Singapura (RM500.7 juta) itu diterbitkan menerusi unit milik sendirinya, Caga-

mas Global Sukuk Bhd., dan akan dijamin sepenuhnya tanpa syarat oleh Cagamas.

"Sebagai penerbit yang kerap membuat terbitan, Cagamas terus memantau kos pembiayaan perbandingan dan kelebihan pengagihan dalam pasaran antarabangsa berbanding terbitan bon tempatan kita.

"Terbitan EMTN konvensional sulung syarikat dalam pasaran bon dolar Singapura pada Julai 2015 telah menjana banyak minat daripada sejumlah besar pelabur yang membawa kepada pemeteraian perjanjian," katany-

ya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambahnya, prinsip-prinsip Islam yang digunakan bagi sukuk itu adalah berdasarkan kepada prinsip Syariah Wakala, struktur yang diterima dengan meluas dalam kalangan pelabur sukuk antarabangsa.

"Kami menyedari persekitaran pasaran yang semakin mencabar dan dengan ini syarikat akan terus menilai dinamik pasaran dan mengenal pasti perubahan dalam trend menerusi penglibatan proaktif dengan pelabur dan peserta pasaran," katanya.